


Perginya penyair, penterjemah Nahmar Jamil

» Wariskan khazanah karya berunsur agama, terjemahan sastera Arab



Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Sumbangan penyair dan penulis veteran, Na'man Mohd Rawi, 76, atau lebih dikenali sebagai Nahmar Jamil yang meninggal dunia akibat sakit tua pada Isnin lalu, dalam dunia penulisan khususnya karya berunsur agama dan terjemahan teks sastera Arab akan terus dihargai.

Nahmar meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar, jam 7.50 malam, meninggalkan seorang balu, Fatimah Mat Shariatt, 67, dan anak, Khairunnisaa Naaman, 40.

Naib Yang Dipertua Angkatan Sasterawan Indera Perlis (AKSARA), Mokhtar Abdul Karim (Mokhtar AK), berkata, Nahmar ketika hayatnya banyak menyumbang kepada perkembangan sastera negeri itu, sekali gus menjadi antara pelopor penubuhan Persatuan Penulis Perlis (3P).

"Beliau yang mula mengarang sejak era 1950-an itu, antara yang menggagaskan idea penubuhan

3P kerana melihat keperluan gerakan sastera yang terancang dan aktif dalam kegiatan persatuan sehingga dilantik sebagai ahli jawatankuasa.

"Perlis turut berbangga kerana mempunyai pengarang yang mahir dalam bidang penterjemahan terutama membabitkan karya sastera Arab seperti novel berunsur Islam, *Masrur* dan *Makrur* oleh sasterawan terkemuka Mesir, Ahmad Bahjat," katanya kepada *Sastera BH*, baru-baru ini.

Pengarang sufi

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman mengangkat Nahmar sebagai pengarang sufi yang banyak menulis puisi berunsur Islam, tetapi karya beliau kurang diperhatikan oleh sarjana.

"Kumpulan puisi beliau yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1989 bertajuk *Titisan Hujan Di Negeriku Titisan Rindu* yang mengungkapkan detik manis dalam pengalaman mengerjakan ibadat haji di Makkah paling memberikan kesan kepada jiwa.

"Beliau juga boleh diklasifikasikan antara penyair yang paling banyak melahirkan kumpulan puisi berunsur keagamaan dengan gaya bahasa hebat tetapi kurang diperhatikan sehingga terlepas pengiktirafan sastera tertinggi seperti Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write)," katanya.

Allahyarham yang dilahirkan di Kampung Sena, Kangar, pada 4 April 1938 itu menghasilkan sembilan kumpulan puisi, enam kumpulan cerpen, empat novel dan dua novel kanak-kanak, selain menterjemah dua antologi cerpen, empat novel dan empat cerita kanak-kanak ke bahasa Melayu.

Nahmar mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah Arab al-Ala-



“Beliau juga boleh diklasifikasikan antara penyair yang paling banyak melahirkan kumpulan puisi berunsur keagamaan”

Dr Shamsudin Othman,
Pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM


wiyah ad-Diniah, Arau, sebelum melanjutkan pengajian dalam Kursus Penulisan Kreatif di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1976.

Antara pencapaiannya dalam penulisan termasuk memenangi Hadiah Karya Sastera 1971 menerusi puisi *Ku Cuba Bunuh Engkau* dan tempat ketiga Peraduan Menuulis Cerpen anjuran Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim pada tahun 1959.

Tokoh Maal Hijrah

Antara karya Tokoh Maal Hijrah Negeri Perlis 1998 yang terus diingati sehingga kini ialah kumpulan puisi, *Negeri Tercantik* dan *Mengetuk Pintu Langit* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Tok Peduka, Kangar, jam 11.30 pagi, Selasa lalu.



Antara buku tulisan pengarang veteran Perlis, Allahyarham Nahmar Jamil.